

SPA jangka dapat selesaikan semua kekosongan sebelum hujung tahun

60,000 jawatan akan diisi

11 September 2013
UM
M/S 25



Oleh **HASHNAN ABDULLAH**
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 10 Sept. - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) percaya kira-kira 60,000 kekosongan untuk mengisi pelbagai jawatan di peringkat Persekutuan dapat diselesaikan sebelum hujung tahun ini.

Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam berkata, dalam tempoh lapan bulan ini, kira-kira 25,686 daripada 60,000 kekosongan telah berjaya diisikan.

"Proses tapisan masih lagi berjalan dan temuduga diadakan setiap hari, termasuklah selepas waktu pejabat dan pada hujung minggu.

"Saya percaya pendekatan proses temuduga itu akan menarik lebih ramai calon berminat untuk hadir kerana tidak semua boleh hadir pada waktu pejabat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Khas Penyerahan Surat Tawaran Pelantikan Pelbagai Jawatan di Bawah Bidang Kuasa SPA di sini hari ini.

Pada majlis itu, seramai 258 calon

diberikan surat pelantikan dan pengesahan perkhidmatan untuk 10 jawatan dalam sektor awam.

Mahmood berkata, dalam tempoh lapan bulan tahun ini, seramai 1.96 juta orang memohon untuk menyertai sektor awam dan daripada jumlah tersebut, seramai 174,574 pemohon yang dipanggil untuk proses temuduga.

"Daripada jumlah itu kira-kira 118,375 pemohon hadir untuk proses temuduga manakala 25,686 calon menerima surat pelantikan dan pengesahan perkhidmatan," katanya.

Sementara itu, salah seorang yang menerima surat tersebut adalah anak sulung bekas jaguh badminton negara, Razif Sidek iaitu Muhammad Fazril, 26.

Muhammad menyifatkan pelantikan tersebut memberi peluang kepadanya untuk berbakti kepada negara.

"Walaupun pendapatan dalam sektor swasta lebih tinggi tetapi pelantikan tersebut memberi peluang kepada saya untuk menabur bakti kepada negara sendiri," katanya.

MAHMOOD Adam (tiga dari kanan) bermesra dengan sebahagian daripada penerima surat tawaran pelantikan pelbagai di Putrajaya, semalam.

+1m M/S 28 11/09/2013

FOTO: FARIZ ISWADI ISMAIL

Rasa tak puas hati, kritikan boleh disampaikan kepada ketua jabatan

Oleh Hayati Ibrahim
ya_t@mediaprima.com.my
Putrajaya

“Kita mesti taat kepada organisasi yang kita bekerja, kalau buat ulasan tak elok atau mengkritik sudah tentu ia memberi imej buruk,” kata Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Tan Sri Mahmood Adam.

Katanya, sekiranya seseorang penjawat awam mempunyai masalah atau tidak berpuas hati dengan dasar kerajaan atau apa saja perkara membabitkan jabatan masing-masing, mereka boleh menyalurkannya kepada yang berkenaan.

“Apabila sudah dilantik sebagai pegawai atau kakitangan kerajaan mereka tertakluk kepada peraturan kelakuan tata tertib. Kalau ada yang tak puas hati kita ada saluran tertentu supaya sampai kepada ketua jabatan.”

“Malah, kita juga ada Majlis Bersama Jabatan (MBJ) yang akan bersidang sebulan sekali atau sekurang-kurangnya empat kali setahun yang membolehkan pegawai atau kakitangan mengutarakan pandangan, ulasan, pendapat atau kritikan.

“Tetapi kalau letakkan (ulasan dan kritikal) di me-



MAHMOOD beramah mesra dengan penjawat awam selepas menyerahkan surat tawaran pelantikan mereka.

‘Guna saluran betul’

dia (sosial) siapa yang nak jawab? (Sebaliknya) kalau beri pada saluran yang betul pihak berkenaan menjawab,” katanya selepas Majlis Penyerahan Surat Tawaran Pelantikan Pelbagai Jawatan di bawah bidang kuasa SPA dan pengesahan perkhidmatan di sini, semalam.

Pada majlis itu, Mahmood menyerahkan surat tawaran kepada 258 calon yang berjaya dalam temu duga baru-baru ini untuk mengisi kekosongan dalam perkhidmatan awam.

Beliau mengulas teguran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal terhadap penjawat awam khususnya golongan muda yang menggunakan media sosial untuk mengkritik dasar kerajaan. Mahmood berkata, tegu-

“Apabila sudah dilantik sebagai pegawai atau kakitangan kerajaan mereka tertakluk kepada peraturan kelakuan tata tertib”

Mahmood Adam

ran itu wajar kerana tindakan penjawat awam menggunakan media sosial mungkin akan menyebabkan salah fakta dan mungkin mengelirukan orang lain.

“Apa yang menjadi masalah sekarang ini kita pegawai kerajaan cuma tahu satu bahagian saja...contohnya meja ini, kita hanya tahu satu sudut saja dan kita tak

tahu pandangan keseluruhannya.

“Kadang-kadang kita tak tahu apa sebenarnya ketua jabatan nak buat, kita tak jelas tetapi mengkritik dan memberi ulasan, mungkin ulasan itu salah fakta, jadi teguran itu perlu bagi mengingatkan kembali penjawat awam,” katanya.

Sementara itu, katanya, SPA menasaskan mengisi 60,000 kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam menjelang akhir tahun.

Katanya, sejak Januari hingga Ogos SPA sudah melantik 25,686 kakitangan awam untuk mengisi kekosongan jawatan.

“Kami menerima 1.9 juta permohonan sepanjang tempoh itu dan dari jumlah itu 174,574 pemohon dipanggil untuk temu duga, namun,

hanya 118,375 menghadiri.

“Sehubungan itu, lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk menggalakkan rakyat memohon bekerja di sektor perkhidmatan awam, antara pendekatan diambil ialah pergi ke kolej dan universiti untuk mengambil pelajar,” katanya.

Selain itu, katanya, kesedaran perlu diwujudkan dalam kalangan kaum Cina supaya memohon kekosongan jawatan dalam perkhidmatan itu kerana peratusannya masih rendah.

“Tahun ini, kami dapati ada 38,827 pemohon Cina. Sudah ada peningkatan berbanding tahun lalu iaitu 20,000 pemohon, tetapi kita nak galakkan lagi supaya lebih ramai kaum Cina memohon tempat dalam perkhidmatan awam,” katanya.

PUTRAJAYA

PSC seeks more non-Malay civil servants

By LIYANA SHAZREEN

liyana@themalaymailonline.com

THE MALAY MAIL 11/09/2013

PAGE 10

THE Public Service Commission (PSC) has now moved to stake out Chinese learning institutions as part of efforts to recruit more non-Malays in the civil service, its chairman, Tan Sri Mahmood Adam, said yesterday.

At a press conference, he said the number of Malays applying for jobs in the civil service had still continued to soar past applications from the Chinese and Indians, a trend the PSC hoped to change.

"We are approaching the Chinese community, we go to colleges and schools to talk to them," he said.

"The total applications from the Indians has improved, double in number compared to last year, but the Chinese's are still low."

A total of 1,967,244 job applications has been received this year, with the Malays making up the largest share at 1,567,728 applications.

There were 38,827 job applications received from the Chinese in the first half of this year.

"The numbers are small compared to others, but the success rate is high with the percentage of more than 50," Mahmood said.